JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC LAW
(2025) Vol. 10(2): 20-28
DOI: https://doi.org/10.26475/jcil.2025.10.2.03

Beli Dahulu Bayar Kemudian (BNPL) Sebagai Wahana Perbelanjaan Patuh Syariah dan Beretika: Satu Tinjauan Literatur

Buy Now Pay Later (BNPL) as a Shariah-Compliant and Ethical Spending Mechanism: A Literature Review

Nurlailatul Akma Abu Bakar✉, Ahmad Dahlan Salleh
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Beli Dahulu Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL) merupakan satu bentuk pembiayaan ansuran yang berpotensi meringankan beban perbelanjaan pengguna. Walaupun BNPL sering dianggap sebagai inovasi kewangan moden yang menawarkan kemudahan pengurusan belanjawan, kajian-kajian terdahulu menunjukkan pelaksanaannya masih menimbulkan persoalan dari sudut pematuhan terhadap prinsip syariah dan etika Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan literatur bagi memastikan pencarian bukti yang menyeluruh serta penonjolan hasil kajian yang telus. Oleh itu, fokus utama kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana BNPL boleh disesuaikan sebagai medium pengurusan perbelanjaan yang selari dengan syariat dan prinsip etika Islam. Hasil analisis terhadap literatur terpilih mendapati bahawa BNPL berpotensi menjadi instrumen pengurusan kewangan yang menyumbang kepada pengurangan jurang ekonomi, selaras dengan keperluan semasa. Malah, ia juga mampu mengimbangi inovasi teknologi dengan elemen kemudahan, keadilan dan perlindungan pengguna. Penambahbaikan dari segi garis panduan, penggubalan akta serta peningkatan literasi kewangan disarankan agar lebih responsif terhadap keperluan individu dan komuniti Muslim, demi menjamin kelestarian hidup yang beretika dan berlandaskan syariat.

KATA KUNCI

BNPL, Prinsip Syariah, Etika Islam

ABSTRACT

Buy Now Pay Later (BNPL) is a form of instalment financing that has the potential to ease consumers' spending burdens. Although BNPL is often considered as a modern financial innovation that facilitates budget management, previous studies have raised concerns regarding its compliance with Shariah principles and Islamic ethics. This study adopts a literature review approach to ensure a comprehensive evidence and transparent presentation of findings. Thus, the main focus of this study is to assess the extent to which BNPL service can be adapted as a budgeting tool that aligns with Shariah and Islamic ethical principles. Analysis of selected literature indicates that BNPL has the potential to become a financial management instrument that contributes to reducing the economic gap, in line with current needs. Furthermore, it has the capability to balance a technological innovation with elements of convenience, fairness and consumer protection. Improvements in regulatory guidelines, legislative frameworks and financial literacy are recommended to be more responsive to the needs of Muslim individuals and communities, thereby ensuring the sustainability of an ethical and Shariah-compliant standard of living.

KEYWORDS

BNPL, Shariah principles, Islamic ethics

Article History
Received: Oct 18, 2025
Revised: Aug 26, 2025
Accepted: Dec 4, 2025
Published: Dec 15, 2025

✉ Contact
Nurlailatul Akma Abu Bakar (Corresponding Author)
naab6162@gmail.com

Citation
Nurlailatul Akma Abu Bakar & Ahmad Dahlan Salleh. 2025. Beli Dahulu Bayar Kemudian (BNPL) Sebagai Wahana Perbelanjaan Patuh Syariah dan Beretika: Satu Ulasan Sistematik. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 10(2): 20-28.

Copyright
© 2025 by the author(s)

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

PENGENALAN

Hampir keseluruhan sistem pengurusan kini beralih kepada platform dalam talian susulan daripada pandemik COVID-19. Perkembangan teknologi maklumat telah menjadi pemangkin kepada kemunculan pelbagai bentuk inovasi kewangan moden yang dikenali sebagai *fintech* iaitu teknologi kewangan (Jamhor et al., 2021). Namun, Islam tidak berhalangan terhadap sebarang kemajuan teknologi (Omar, 2022), asalkan ia tidak melanggar prinsip syariah, dapat memberi manfaat, memudahkan urusan dan mencegah kemudaratan kepada penggunanya (Munawwaruzzaman Mahmud & Muhammad Aqil Syafiq Jamaludin, 2023). Kebanyakan urus niaga pada masa ini dijalankan secara e-dagang bertujuan untuk membantu memperluas jaringan dalam perkhidmatan kewangan semasa (Cornelli et al., 2023). Menurut Muhammad Afiq Fahmi Ahmad Faris (2023) hakikat yang perlu difahami zaman ini adalah manusia hidup seiring dengan perkembangan yang mendatangkan kemudahan dan keringanan dalam kehidupan harian, serta menjadi tanggungjawab sebagai pengguna Muslim untuk beradaptasi dan menyesuaikannya mengikut keperluan semasa agar tidak ketinggalan.

Beli Dahulu Bayar Kemudian atau *Buy Now Pay Later* (BNPL) telah menjadi salah satu praktis kewangan moden tumpuan orang ramai masa ini, di mana ia merupakan platform pembiayaan dalam talian yang menawarkan kemudahan perbelanjaan kepada pengguna melalui kaedah ansuran mengikut tempoh tertentu (Unit Kajian dan Penulisan Maahad al-Mustofa, 2024) BNPL merupakan pembiayaan atau pinjaman jangka pendek yang membolehkan pengguna membuat pembelian dengan membahagikan jumlah pembayaran kepada ansuran bulanan Munawwaruzzaman Mahmud & Muhammad Aqil Syafiq Jamaludin (2023). Secara lazimnya, platform ini tidak mengandungi kadar faedah sepertimana kad kredit dan pinjaman peribadi, namun BNPL masih tertakluk kepada caj pemprosesan dan caj sekiranya lewat bayar. Misalnya, seorang pembeli ingin membeli sebuah motosikal pada harga RM3000 secara ansuran selama tiga bulan. Jika dia memilih metode pembayaran melalui khidmat BNPL dengan pelan ansuran bulanan, maka jumlah pembayaran yang perlu dibuat pada setiap bulan adalah sebanyak RM1000 beserta caj pemprosesan (tertakluk kepada platform penyedia perkhidmatan BNPL yang dipilih) dan caj lewat bayar sekiranya ada.Fenomena skim BNPL ini bermula sekitar tahun 2020, di mana keadaan ini didorong oleh perubahan landskap norma baharu yang mula mengangkat dunia transaksi untuk bergerak ke arah pemerkasaan era digitalisasi sehingga platform BNPL ini mula diwujudkan. Berdasarkan sumber Jaringan Pendidikan Kewangan mendapati terdapat peningkatan dalam penggunaan skim BNPL apabila kebanyakan rakyat di Malaysia mula menyesuaikan diri dengan peralihan kepada pembelian dalam talian meskipun selepas pandemik berakhir (Mokhtar, 2023). Menurut Noor Azillah Mohamad Ali & Rozihanim Shekh Zain (2022) laporan Jabatan Statistik Negara menunjukkan bahawa sektor e-dagang di Malaysia juga meningkat dua kali ganda dalam tempoh tiga tahun dengan catatan rekod sebanyak RM894.4 bilion pada tahun 2020 berbanding RM447.8 bilion pada tahun 2017. Faktor perkembangan ini turut didorong oleh penerimaan dalam kalangan generasi X, milenial dan Z, di mana mereka meletakkan platform BNPL sebagai saluran penyelesaian kewangan yang mudah dan cepat (Noor Azillah Mohamad Ali & Rozihanim Shekh Zain, 2022).

Walaupun BNPL memenuhi keperluan dan kehendak semasa, pematuhan syariah dan beretika dalam konteks pengguna Muslim masih belum dibahaskan secara terperinci. Justeru, kajian ini dilaksanakan melalui analisis dokumen daripada tinjauan literatur bagi mengenal pasti prinsip syariah dalam BNPL dan sejauh mana ia berpotensi sebagai pengurusan kewangan, di samping menilai solusi yang berkesan terhadap dampak sosial dan ekonomi demi memperkukuh amalan perbelanjaan patuh syariah dalam ekosistem kewangan digital.

PENYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN

Isu pematuhan syariah menjadi salah satu tumpuan utama dalam konteks perbincangan mengenai inovasi kewangan semisal BNPL dalam kalangan negara-negara Islam. Kepentingan nilai etika sebagai asas utama dalam kehidupan manusia amat ditekankan dalam Islam kerana ia berperanan sebagai panduan dalam pelbagai aspek kehidupan dan hala tuju manusia secara menyeluruh (Mohd Faizal Rameli et al., 2019).

Dalam institusi kewangan Islam, sesebuah transaksi mestilah bebas daripada mengandungi sebarang elemen tidak patuh syariah seperti *riba, maysir, gharar* dan seumpamanya (Mohd Faiz Mohamed Yusof et al., 2015). Malah, penyedia platform Beli Dahulu Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL) yang ingin menembusi pasaran Islam juga perlu memastikan struktur pelaksanaan operasi mereka sejajar dengan prinsip patuh syariah. Namun, dalam konteks sistem BNPL, elemen-elemen ini sering kali menjadi persoalan terutamanya berkaitan dengan faedah tersembunyi serta penalti yang dikenakan akibat kelewatan pembayaran. Sekali gus ia melibatkan isu dari aspek syariah, ekonomi dan etika perbelanjaan (Munawwaruzzaman Mahmud & Muhammad Aqil Syafiq Jamaludin, 2023).

Kebanyakan pengguna teruja dengan kemudahan pembelian yang ditawarkan oleh skim BNPL. Ini mampu menggalakkan peningkatan amalan berbelanja secara berlebihan atau di luar kemampuan mereka. Menurut Waluyo et al. (2022) generasi muda Muslim di Indonesia menggunakan aplikasi *PayLater* kerana keperluan dan khidmat *e-servqual* yang diterima. Khidmat *e-servqual* boleh didefinisikan sebagai kemampuan organisasi untuk memenuhi atau mengatasi matlamat pelanggan, dan matlamat tersebut

ditakrifkan sebagai keinginan serta kehendak. Oleh itu, BNPL mampu mempengaruhi pengguna untuk membuat pembelian secara impulsif kerana teknik pemasarannya yang menarik serta kecenderungan mereka melakukan transaksi secara spontan dan segera. Hujah ini disokong melalui Munawwaruzzaman Mahmud & Muhammad Aqil Syafiq Jamaludin (2023) iaitu sebanyak 68 peratus pengguna membuat pengakuan bahawa mereka telah berbelanja secara berlebihan daripada kemampuan, manakala peratusan terhadap mereka yang gagal melunaskan bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan menyumbang sebanyak 40 peratus.

Dari sudut moral etika, adalah penting untuk meneliti bagaimana perkhidmatan BNPL boleh digunakan secara bijak dan bertanggungjawab, serta kepentingan literasi kewangan dalam mendidik individu menguruskan perbelanjaan secara berhemah. Perkara ini secara tidak langsung menghubungkan kepada masalah integriti dalam polisi pengendalian dan penggunaan BNPL di peringkat pengguna. Tiada kawal selia yang ketat dalam skim perkhidmatan BNPL boleh mengakibatkan penggunaannya tidak selamat sehingga memudaratkan pengguna untuk menanggung beban hutang yang serius di masa akan datang tanpa sedar (Ulfah Mansurah Zainudin & Ahmad Azam Othman, 2024). Maka, wujudnya cabaran dan kekangan apabila sistem BNPL itu sendiri tiada garis panduan yang peka terhadap pematuhan elemen syariah dan mengamalkan etika Islam yang sebenar.

Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk meninjau secara mendalam bagaimana perkhidmatan BNPL boleh disesuaikan sebagai satu wahana perbelanjaan yang patuh syariah dan beretika melalui penilaian struktur pembiayaan BNPL dan implikasi ke atas kelestarian kewangan pengguna daripada perkhidmatan tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi bagi kajian ini ialah Metodologi bagi kajian ini ialah tinjauan literatur secara kualitatif. Tinjauan literatur didefinisikan sebagai pendekatan yang lebih atau kurang sistematik dalam mengumpul dan mensintesis kajian terdahulu (Baumeister & Leary, 1997); (Tranfield et al., 2003) dan memperkukuh asas pemahaman yang mendalam serta menyokong pembentukan teori (Webster, 2002). Pendekatan tinjauan literatur ini dipilih kerana kemampuannya untuk memberikan gambaran menyeluruh terhadap literatur yang tidak tersusun dan mengenal pasti kajian lanjutan yang diperlukan (Snyder, 2019).

Protokol ulasan sistematik ini mengikut struktur yang terdiri daripada beberapa fasa utama iaitu (a) pencarian literatur; (b) penentuan kriteria; serta (c) analisis dan sintesis data.

Strategi pencarian data dimulakan dengan penetapan objektif kajian. Memandangkan fokus kajian ini adalah terhadap konteks perbelanjaan yang patuh syariah dan beretika dalam perkhidmatan Beli Dahulu Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL), kata kunci yang digunakan telah disusun berdasarkan tema-tema utama kajian.

Pemilihan literatur merangkumi pelbagai bentuk penerbitan termasuk buku akademik, kertas kerja, artikel jurnal, prosiding persidangan, laman web rasmi institusi, serta laporan teknikal dan dokumen dasar yang relevan. Pangkalan data yang diakses terdiri daripada *Scopus*, *Web of Science, Google Scholar*, *ResearchGate* dan *Directory of Open Access Journals* (DOAJ). Kajian-kajian terdahulu yang dijadikan rujukan mestilah diterbitkan dalam tempoh sekurang-sekurangnya sepuluh tahun terakhir bagi memastikan dapatan yang dianalisis adalah relevan dan terkini.

Setelah proses pencarian dan penentuan kriteria literatur selesai, data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tema bagi mengenal pasti corak, kesenjangan dan penemuan penting dalam kajian terdahulu mengenai Beli Dahulu Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL), khususnya dalam konteks pematuhan syariah dan etika perbelanjaan. Dapatan kajian akan dikategorikan berdasarkan beberapa tema yang berkaitan seperti kepatuhan syariah dalam BNPL, pengurusan kewangan, dampak sosial dan ekonomi serta resolusi dan regulasi. Analisis data secara deskriptif dilaksanakan bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang peranan BNPL sebagai wahana perbelanjaan yang patuh syariah dan beretika.

Kebelakangan ini, platform Beli Dahulu Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL) telah menjadi tumpuan dan semakin diterima secara meluas oleh pengguna global (Faisal 'Irfan Mohamed Fuad, 2023). Walaupun perkhidmatan BNPL menyediakan fleksibiliti membahagi bayaran pembelian pengguna kepada *deferred payment* iaitu bayar kemudian, atau *instalment plan* iaitu pelan ansuran berjadual, timbul beberapa isu mengenai pematuhan model ini terhadap prinsip syariah dan amalan beretika. Oleh itu, sebanyak 15 kajian yang telah dikenal pasti dan dianalisis mengikut tema bagi menilai penyesuaian perkhidmatan BNPL sebagai wahana perbelanjaan patuh syariah dan beretika.

Analisis tinjauan literatur yang dijalankan memfokuskan kepada perkhidmatan BNPL khususnya dalam konteks pematuhan syariah dan etika perbelanjaan. Kesemua kajian tersebut membincangkan pelbagai aspek termasuk struktur operasi, penerapan elemen patuh syariah, etika pengurusan berbelanja serta impak terhadap penggunaan teknologi kewangan masa ini. Meskipun tinjauan literatur menyimpulkan bahawa inovasi kewangan tersebut dianggap sebagai sebuah kemudahan yang bertujuan mempertingkat kepada urusan kewangan pengguna Anon (2025), terdapat beberapa kajian yang memberikan penekanan dalam memastikan keseimbangan antara kemudahan, keadilan dan perlindungan pengguna.

Sehubungan dengan itu, tinjauan literatur ini telah disusun dan dianalisis mengikut tema bagi

memudahkan proses analisis, menyelidik bentuk, kesenjangan serta penemuan utama dengan lebih teratur dan sistematik. Tema-tema tersebut terdiri daripada prinsip syariah dalam perkhidmatan BNPL, pengurusan kewangan, dampak sosial dan ekonomi, serta resolusi dan regulasi.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Secara dasarnya, kaedah pembayaran yang melonjak naik secara mendadak semasa pandemik COVID-19 adalah *deferred payment* iaitu pembayaran kemudian atau tertangguh (Macierzyński & Macierzyński, 2023). Dalam struktur operasi perkhidmatan Beli Dahulu Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL), kaedah pembayaran tertangguh merupakan konsep yang terpakai di dalamnya. Salah satu kelebihan utama adalah syarat kelulusan yang jauh lebih mudah berbanding kad kredit dan pinjaman peribadi kerana tidak memerlukan semakan rekod kredit (Ehsan Marisah, 2024). Malah, proses permohonan juga tidak memakan masa yang panjang dan boleh diakses secara dalam talian. Sepertimana sistem ekonomi dan kewangan kini sentiasa mengalami perubahan mengikut keperluan dan kehendak semasa, sistem tersebut juga mestilah tidak bercanggah dengan syarak (Abdul Ghani & Yaacob, 2021, hlm. 111).

Prinsip Syariah dalam Perkhidmatan BNPL

Perbincangan terhadap kepatuhan prinsip syariah banyak berkait dengan akad syariah yang digunakan dan caj yang dikenakan. Kajian oleh Munawwaruzzaman Mahmud & Muhammad Aqil Syafiq Jamaludin (2023) membahaskan beberapa akad syariah yang dilihat bersesuaian dengan konsep pengendalian BNPL. Jadual 1 menjelaskan keterangan setiap akad syariah tersebut.

Jadual 1: Penyesuaian Akad Syariah dalam Perkhidmatan BNPL

Akad	Penerangan
Tawaruq	1. Penyedia platform BNPL membuat pembelian komoditi daripada broker A berdasarkan nilai had kredit yang diberikan kepada pengguna kemudian menjual komoditi tersebut secara *murabahah* pada harga jualan (kos dan keuntungan) kepada pengguna. Jumlah keuntungan adalah bersamaan dengan caj lewat bayar. 2. Pengguna menjual komoditi kepada broker B melalui penyedia BNPL yang dilantik sebagai wakil pada harga kos bersamaan dengan nilai had kredit. 3. Pengguna menggunakan jumlah hasil daripada jualan komoditi untuk membeli barang tertentu dan membayar kepada peniaga. 4. Pengguna akan membayar harga jualan *murabahah* kepada penyedia platform BNPL secara ansuran mengikut tempoh yang disepakati. Keuntungan akan ibayar jika lewat bayar oleh pengguna dan penyedia platform BNPL akan memansuhkan keuntungan tersebut jika tiada kelewatan pembayaran.
Qard	1. Pengguna ditawarkan perkhidmatan BNPL oleh penyedia platform BNPL dengan nilai had kredit tertentu. 2. Pengguna membuat pembelian dan penyedia platform BNPL memberikan *qarḍ* bersamaan dengan jumlah harga belian. Penyedia platform BNPL akan membayar jumlah tersebut terus kepada peniaga bagi pihak pengguna. 3. Pengguna membayar *qarḍ* secara ansuran kepada penyedia platform BNPL. 4. Pengguna akan dikenakan caj lewat bayar sekiranya berlaku kepada penyedia platform BNPL.
Murabahah	1. Pengguna membuat pesanan kepada penyedia platform BNPL untuk membeli barangan tertentu. 2. Penyedia platform BNPL membeli barang tersebut dan membayar harga belian kepada peniaga. 3. Penyedia platform BNPL menjual barang tersebut secara *murabahah* (harga beli dan keuntungan) kepada pengguna. Jumlah keuntungan adalah bersamaan dengan caj lewat bayar. 4. Pengguna akan membayar harga jualan *murabahah* kepada penyedia platform BNPL secara ansuran mengikut tempoh yang disepakati. Keuntungan akan dibayar jika lewat bayar oleh pengguna dan penyedia platform BNPL akan memansuhkan keuntungan tersebut jika tiada kelewatan pembayaran.
Bayʿ bi-thaman ājil	1. Pengguna membeli dan menerima barangan atau perkhidmatan daripada peniaga. 2. Penyedia platform BNPL membayar kepada peniaga untuk pembelian pengguna. 3. Pengguna membayar kepada penyedia platform BNPL untuk pembeliannya berdasarkan jumlah penuh bersama margin keuntungan dalam tempoh yang disepakati bersama

Sumber: Analisis Kajian Literatur Nurlailatul Akma 2025

Dari dapatan yang diterima, kepentingan akad syariah adalah untuk memastikan penggunaannya berlandaskan hukum syarak, di samping memenuhi keperluan semasa dan memelihara *maslahah* komuniti sejagat. Namun, kesenjangan kajian ini kerana terhad kepada perbahasan yang ringkas yang memerlukan penelitian lebih mendalam.

Wan Ahmad Zarif Wan Yusoff & Adlin Zulkefli (2022) dalam kajiannya menyokong bahawa penyedia

fasilitasi BNPL dan penasihat syariah mereka sewajarnya mematuhi prinsip syariah dalam sistem operasi mereka agar tidak berlaku percanggahan hukum syarak. Dalam konteks kewangan Islam termasuk kemudahan BNPL, larangan terhadap unsur *riba, maysir, gharar* dan seumpamanya sangat ditekankan kerana ia menatijahkan hasil yang diterima pada akhir transaksi meliputi status halal atau haram; sah atau tidak sesuatu akad tersebut (Widad & Asi, 2024).

Allah SWT berfirman:

وَأَحَلَّ اللَّهُ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: Padahal Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. (Surah al-Baqarah, 2:275)

Kewujudan dan penerimaan perkhidmatan BNPL juga secara tidak langsung memberi kesan dari aspek *maqāṣid al-khāṣṣah*. Menurut Ibn Zaghībah (2001) maksud *al-maqāṣid al-khāṣṣah* ialah *maqāṣid* yang terdapat pada jenis bidang tertentu, di mana khusus untuk satu jenis kelompok hukum dalam sesuatu lapangan kehidupan. Sehubungan itu, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC) telah meletakkan enam *maqāṣid al-khāṣṣah* yang terkandung di bawah prinsip utama *maqāṣid al-sharīʿah* yang merangkumi kemanusiaan, keadilan dan ihsan, jelas dan telus, fleksibel dan inovasi, amanah dan bertanggungjawab, serta ketersampaian dan menyeluruh.

Kajian oleh Firdaus et al. (2024) telah membuktikan bahawa penerapan objektif syariah dalam perkhidmatan BNPL dapat dilihat dalam usaha memastikan pengendaliannya bergerak atas dasar bukan sahaja memenuhi keperluan dan kehendak semasa secara praktikal, malah dipandu dengan tuntutan syariat yang menjamin kemaslahatan pengguna Muslim. Justeru, pengendalian kemudahan BNPL yang selaras dengan prinsip *maqāṣid al-khāṣṣah* dilihat mampu menjadi pengurusan kewangan yang baik kepada pengguna serta membantu peniaga dan penyedia platform menjalankan aktiviti urus niaga mengikut perkembangan semasa.

Pengurusan Kewangan

Islam menganjurkan kepada kita supaya berusaha meringankan beban dan tidak memberatkan bagi memastikan kesejahteraan hidup. Dalam menghadapi cabaran ketidakstabilan ekonomi, pengguna terpaksa berdepan dengan pelbagai bentuk kesusahan kewangan terutama dalam menyara hidup.

Justeru, perkhidmatan Beli Dahulu Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL) dinilai telah menjadi salah satu pilihan pengurusan kewangan pengguna dengan pilihan kaedah pembayaran secara bertangguh; sama ada *deferred payment* bayar kemudian atau *instalment payment* bayar mengikut pelan ansuran bulanan, sekali gus dapat meringankan komitmen kewangan secara lebih terkawal (Alcazar & Bradford, 2021).

Laporan Sri Ayu Kartika Amri (2025) menguatkan lagi dapatan kajian tersebut di mana sebenarnya perkhidmatan BNPL bukan penjerat hutang dalam kalangan pengguna kecuali jika pandai mengawal perbelanjaan. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menegaskan kepentingan terhadap sikap berdisiplin dan bertanggungjawab memainkan peranan yang sangat penting dalam etika berbelanja kerana inovasi yang dicipta pada hari ini mempunyai matlamat sebagai pemudah cara dan menambah baik daripada kaedah sebelum ini.

Allah SWT berfirman:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya: Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kami menanggung kesukaran. (Surah al-Baqarah, 2:185)

Dalam konteks BNPL, kewujudan perkhidmatan ini dianggap sebagai perangkap hutang yang mampu menjerat pengguna atas faktor gerakan platform ini yang fleksibel sehingga mendorong untuk berbelanja dengan jumlah yang besar tanpa kawalan (Noor Azillah Mohamad Ali & Rozihanim Shekh Zain, 2022). Walau bagaimanapun, dapatan kajian Irfan Faruqi (2025) menunjukkan secara jelas bahawa praktikal BNPL menjadi sistem pengurusan kewangan yang positif kepada komuniti khususnya generasi muda dalam kalangan belia terhadap keperluan mendesak dengan simpanan kewangan yang terhad. Malah, platform BNPL juga menawarkan pembelian pada harga yang lebih kompetitif.

Selain itu, dapatan kajian Nurul Ufairah Tarmidzi (2025) turut membuktikan bahawa mahasiswa yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menonjolkan sikap keterbukaan terhadap perkhidmatan BNPL yang banyak meringankan beban kewangan mereka meskipun masih belajar dan tiada pekerjaan tetap serta berupaya menerapkan amalan literasi kewangan digital. Oleh itu, sebagaimana yang ditegaskan bahawa perkhidmatan BNPL merupakan suatu kemudahan, maka ia bergantung kepada cara pengguna untuk memanfaatkan kemudahan tersebut dengan sebaiknya.

Dampak Sosial dan Ekonomi

Antara cabaran utama yang dikenal pasti dalam konteks perkhidmatan Beli Dahulu Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL) ialah perkhidmatan ini membenarkan pengguna membuat pembelian dengan mendapatkan barang tanpa perlu kepada bayaran segera, di mana ia mengakibatkan dorongan untuk berbelanja secara berlebihan atau dikenali sebagai pembelian secara impulsif.

Waluyo et al. (2022) membuktikan dalam kajiannya bahawa generasi muda Muslim di Indonesia

cenderung berbelanja secara impulsif dengan menggunakan aplikasi *PayLater* bagi memenuhi keinginan peribadi. Tabiat ini didorong oleh faktor khidmat layanan dan pemasaran yang memuaskan diperoleh daripada platform tersebut. Sarana keselesaan dalam BNPL mampu menggalakkan pengguna memperoleh sesuatu barang yang tidak mampu dimiliki sekiranya pembayaran perlu dibuat secara tunai.

Selari dengan perkembangan teknologi, platform BNPL telah menjadi satu kebiasaan dalam kalangan komuniti, khususnya generasi Z dan milenial (Azzahra et al., 2023). Hal ini demikian kerana kadar penerimaan teknologi digital generasi mereka adalah jauh lebih tinggi berbanding generasi sebelumnya. Malah, kesan daripada kepuasan dan keseronokan meningkatkan lagi tabiat yang berterusan untuk mengakses perkhidmatan tersebut.

Dapatan kajian Nik Azmi et al. (2022) mengenal pasti faktor-faktor yang berkemungkinan mempengaruhi penggunaan platform BNPL secara impulsif di Malaysia adalah didorong oleh persepsi terhadap kegunaan, persepsi terhadap mudah dikendalikan, sikap dan norma subjektif. Mekanisme BNPL mewujudkan usaha pembelian yang meminimumkan pergerakan dan mempercepat proses hingga membentuk sikap berbelanja serta-merta kerana aksesibiliti yang diterima.

Tanpa sedar, skim BNPL merupakan perangkap halus dalam meningkatkan kapasiti hutang pengguna disebabkan oleh jumlah hutang yang telah dipecahkan kepada nilai-nilai yang lebih kecil untuk satu tempoh masa sehingga membuatkan individu cenderung berpendapat bahawa mereka masih mampu untuk menampung hutang kewangan yang lain. Akibatnya, peningkatan kebergantungan rakyat terhadap BNPL serta tiada kawalan yang ketat boleh membawa kepada keluasan jurang ekonomi (Ulfah Mansurah Zainudin & Ahmad Azam Othman, 2024).

Dampak sosial boleh dilihat menerusi pandangan mereka terhadap inovasi tersebut yang dipengaruhi oleh rakan-rakan, ahli keluarga dan pihak luar, di mana segala maklumat berkaitan pengendalian sistem BNPL mampu memberi kesan terhadap tahap kesedaran dan niat untuk menggunakan aplikasi tersebut (Huey et al., 2023). Meskipun BNPL dianggap sebagai kaedah pembayaran tertangguh yang dapat mengurangkan impak psikologi semasa membuat pembayaran, dengan menguruskan pelbagai jadual pembayaran balik yang berterusan dan rasa bimbang terhadap mematuhi tuntutan tersebut mampu menambah tekanan dan kerisauan yang berlarutan tanpa mengira waktu (Shereen Hazirah Hishamudin, 2024).

Resolusi dan Regulasi

Resolusi membawa maksud ketetapan atau keputusan yang dicapai dalam sesuatu mesyuarat atau persidangan terhadap suatu isu atau pertikaian. Oleh itu, resolusi syariah terhadap perkhidmatan Beli Dahulu Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL) telah diperincikan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM) dengan sokongan rujukan dan dapatan kajian-kajian yang berkaitan dan relevan.

Berhubung dengan perkhidmatan BNPL, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2024) memutuskan bahawa platform tersebut dibenarkan berasaskan prinsip syariah dan tertakluk kepada penggunaan akad syariah yang sesuai bagi menjaga keseimbangan hak dan kewajipan pihak-pihak yang terlibat. Malah, penyedia perkhidmatan kewangan Islam juga mesti mendapatkan kelulusan bertulis daripada jawatankuasa syariah untuk memastikan struktur pelaksanaan operasi BNPL menepati syarak. Jadual 2 menjelaskan syarat yang perlu dipatuhi secara menyeluruh.

Jadual 2: Penetapan Panduan Menggunakan Perkhidmatan BNPL

Syarat	Penerangan
Penggunaan Akad Syariah yang bersesuaian	Membolehkan lebih daripada satu jenis akad syariah digunakan dalam satu produk atau perkhidmatan. Dalam konteks BNPL, fleksibiliti dan inovasi yang distrukturi batas syariah selama ia relevan adalah dibenarkan.
Memelihara Hak dan Kewajipan	Akad syariah yang digunakan dalam BNPL mencerminkan secara jelas hak dan keperluan semua pihak yang terlibat selari dengan prinsip *al-ʿadl wa ṣidq* dalam *maqāṣid al-sharīʿah.*
Menjauhi Amalan Riba	MPS melarang pengendalian BNPL yang wujud unsur *riba* sebagaimana diharamkan dalam Islam.
Pengenaan Caj Lewat Bayar	Caj yang dikenakan mesti dijustifikasikan mengikut kos sebenar yang ditanggung dan perlu mengikut keperluan yang ditetapkan oleh bank serta mendapat kelulusan daripada jawatankuasa syariah masing-masing. Caj ini berfungsi sebagai *taʿwīḍ* akibat pembayaran lewat atau keingkaran pengguna, bukan sebagai hukuman. Adapun dalam mengendalikan barangan yang bercampur antara patuh dan tidak patuh syariah, penyedia perkhidmatan kewangan Islam yang menawarkan khidmat BNPL digesa untuk melaksanakan kawalan yang ketat supaya integriti syariah terpelihara.
Pengasingan Transaksi	Proses transaksi perkhidmatan BNPL patuh syariah perlu dikhususnya hanya ke atas produk atau perkhidmatan yang dibenarkan oleh syarak sahaja. Langkah ini penting dalam memastikan pengguna tidak terlibat secara tidak sengaja dalam aktiviti muamalat yang bertentangan dengan *maṣāliḥ al-ʿibād* iaitu kesejahteraan insan.

Kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah	Bertujuan untuk menjamin produk atau perkhidmatan dalam platform BNPL yang bercampur antara patuh dan tidak patuh syariah tidak memberi kesan kemudaratan.
Kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah	Bertujuan untuk menjamin produk atau perkhidmatan dalam platform BNPL yang bercampur antara patuh dan tidak patuh syariah tidak memberi kesan kemudaratan.
Perlindungan	Bertujuan untuk mencegah sebarang urus niaga dalam platform BNPL patuh syariah yang melibatkan produk atau perkhidmatan yang bercanggah dengan syarak.

Sumber: Analisis Kajian Literatur Nurlailatul Akma 2025

Penetapan tersebut bermatlamat menjamin keselarasan struktur dan pelaksanaan operasi perkhidmatan BNPL di Malaysia mengikut prinsip syariah, malah ia juga dianggap sebagai suatu bentuk penawaran dan dorongan kepada pengguna, peniaga dan penyedia platform agar menormalisasikan amalan perkhidmatan kewangan yang beretika dan inklusif dalam ekosistem digital semasa. Secara tidak langsung, objektif utama syariah iaitu *jalb al-maṣāliḥ wa dar' al-mafāsid* bermaksud membawa kebaikan dan menolak kemudaratan juga tercapai.

Dalam konteks regulasi terhadap perkhidmatan BNPL, usaha terhadap penggubalan Akta Kredit Pengguna (Consumerr Credit Act, CCA) dilihat sebagai langkah yang wajar dalam memperkukuh perlindungan terhadap pengguna kredit di Malaysia, khususnya kepada industri kredit bukan bank (Shereen Hazirah Hishamudin, 2025).

Menurut CCOB (t.th.) penggubalan CCA membuka jalan kepada pembentukan Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (Consumer Credit Oversight Board, CCOB) yang bertujuan untuk mentadbir penyedia kredit dan penyedia kredit bukan bank. Ia telah ditubuhkan pada bulan Julai 2021 yang diterajui Kementerian Kewangan (Ministry of Finance, MOF), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC). Penubuhan ini turut melibatkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Secara umumnya, CCA bertujuan untuk mendorong amalan budaya kredit yang berhemah dan bertanggungjawab di Malaysia. Majlis Kredit Pengguna Malaysia (CCC) akan ditubuhkan sebagai platform baharu yang bertindak sebagai koordinasi dalam mengawal selia dan memantau penyedia kredit bukan bank dan penyedia perkhidmatan kredit. Selain itu, memastikan pelaksanaan CCA yang konsisten dan berkesan oleh kementerian dan agensi yang berkaitan.

Walaupun pelaksanaan penuh CCA belum tersedia buat masa ini, namun inisiatif yang diambil menerusi penggubalan akta berkenaan mencerminkan kepekaan kerajaan ke arah memperkukuh rangka kerja kawal selia industri kredit pengguna di Malaysia secara menyeluruh lebih-lebih lagi apabila peningkatan peratusan hutang pengguna dan isi rumah terkini menghampiri paras yang membimbangkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini memberi sumbangan penting dalam membentuk ekosistem kewangan digital yang patuh syariah dan beretika. Perkhidmatan BNPL bukan sahaja berpotensi sebagai wahana perbelanjaan patuh syariah dengan mengaplikasikan beberapa akad syariah yang bersesuaian, malah ia juga memenuhi keperluan dan kehendak semasa mengikut objektif syariah yang membolehkan inovasi dan fleksibiliti tanpa bercanggah syarak. Malah, BNPL juga membantu mengurangkan jurang ekonomi dalam mempertingkat keperluan sara hidup pengguna melalui pembiayaan ansuran pilihan sama ada bayar kemudian atau pelan berjadual. Sehubungan itu, ia dapat membantu pengurusan kewangan tanpa terbeban dengan pembayaran sekali gus. Walaupun BNPL boleh mendatangkan risiko berbelanja impulsif, integrasi terhadap kawal selia dilihat sebagai usaha bersepadu dengan kerjasama daripada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan CCOB dalam merangka garis panduan pelaksanaan serta penggubalan Akta Kredit Pengguna turut menyumbang kepada pembentukan ekosistem kewangan digital yang lebih adil, selamat dan berorientasikan kebajikan. Malah, pendekatan yang proaktif terhadap keperluan literasi kewangan digital dan kesedaran pengguna mengenai manfaat serta risiko jika tidak terkawal dapat membantu melahirkan individu dan komuniti yang lebih bertanggungjawab dan rasional dalam menguruskan kewangan. Penambahbaikan yang berterusan dari sudut ini adalah penting bagi menjamin kelestarian amalan perbelanjaan yang selari dengan prinsip syariah dan etika Islam.

RUJUKAN

Abdul Ghani, H., & Yaacob, N. (2021). Syaria principles in muamalat activities (Prinsip-prinsip syariah dalam aktiviti muamalat). *RABBANICA*, *2*(1), 111–130.

Alcazar, J., & Bradford, T. (2021). *The Appeal and Proliferation of Buy Now, Pay Later: Consumer and Merchant Perspectives* (Vol. 10). www.kansascityfed.org/psrb

Anon. (2025). *BNPL: Pembayaran Digital yang Mempengaruhi Pengurusan Kewangan Peribadi di*

Malaysia. Loanbuddy. https://loanbuddy.com.my/bnpl

Azzahra, K., Mardinawati, Zees, S. R., & Ayundyayasti, P. (2023). Factors influence the intention to use in paylater feature among the millennial generation. *Applied Accounting and Management Review (AAMAR)*, *2*(2), 31–39. https://doi.org/10.32497/aamar.v2i2.4613

Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1997). Writing Narrative Literature Reviews. *Review of General Psychology*, *1*(3), 311–320. https://doi.org/10.1037/1089-2680.1.3.311

CCOB. (n.d.). *Kredit Pengguna*. CCOB. https://ccob.my/industries-bm/

Cornelli, G., Gambacorta, L., & Pancotto, L. (2023). Buy now, pay later: a cross-country analysis. *BIS Quarterly Review*, 61–75.

Ehsan Marisah. (2024). *Apa Itu Buy Now Pay Later (BNPL)? Patutkah Anda Gunakannya?* https://www.directlending.com.my/ms/blog/buy-now-pay-later-malaysia/

Faisal 'Irfan Mohamed Fuad. (2023, April). Beli Dahulu Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later): Kelebihan atau Kekurangan kepada Koperasi? *Dimensi KOOP*, *77*, 26–33.

Firdaus, B., Fauzan, Yenti, E., Yufriadi, F., Rahmiati, & Afifi, A. A. (2024). Buy now pay later transactions (BNPL) in Indonesia: Implications for maqasid sharia in the digital era. *Islam Realitas: Journal of Islamic and Social Studies*, *10*(2), 130–146. https://doi.org/10.30983/islam_realitas.v10i2.8690

Huey, C. S., Cheng, K. J., Ying, I. P. Z., Seng, L. K., & Kai, L. Y. (2023). *The rise of buy-now-pay-later (BNPL) service in Malaysia* (22BF16M). http://eprints.utar.edu.my/id/eprint/5536

Ibn Zaghībah, I. al-D. (2001). *Maqāṣid al-Sharīʿah al-Khāṣṣah bi al-Taṣarrufāt al-Māliyyah*. Markaz Jumʿah al-Mājid al-Thaqāfah wa al-Turāth.

Irfan Faruqi. (2025). *BNPL bantu beli barangan keperluan ketika kecemasan - Belia*. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bnpl-bantu-beli-barangan-keperluan-ketika-kecemasan-belia-513413

Jamhor, R., Rafdi, N. J., Fisal, S., & Saleh, N. (2021). Faktor yang Mempengaruhi Niat Penggunaan Teknologi Kewangan Islam di Malaysia. *Journal of Management and Muamalah*, *11*(2), 145–156. https://jmm.uis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/110/94

Macierzyński, W. L., & Macierzyński, M. (2023). Development of new payment services and the role of the fintech sector during the COVID-19 pandemic. *Central European Review of Economics & Finance*, *44*(3), 61–78. https://doi.org/10.24136/ceref.2023.014

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. (2024). *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) berhubung kemudahan beli sekarang bayar kemudian (buy now pay later, BNPL)*.

Mohd Faiz Mohamed Yusof, Borhan, J. T., & Nurhanani Romli. (2015). Potensi Keterdedahan Risiko Syariah Syarikat Pengendali Takaful Terpilih di Malaysia Potential of Shariah Risk in Selected Takaful Operator in Malaysia. *ISLAMIYYAT*, *37*(2), 113–124. https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2015-3702-03

Mohd Faizal Rameli, Suhaida Mohd Amin, Norajila Che Man, Noorfazreen Mohd Aris, & Nor Azlina Abd Wahab. (2019). Pengurusan Kewangan Islam dalam Kalangan Muslimpreneurs menurut Perspektif Ilmuwan Islam di Malaysia. *Research in Islamic Studies*, *6*(Special Issue), 79–85.

Mokhtar, M. M. (2023). *Pengguna Bijak di Era 'Normal Baharu'' Pasca Pandemik.'*

Muhammad Afiq Fahmi Ahmad Faris. (2023). *Umat Islam Mesti Kuasai Teknologi Kewangan*. https://www.trdi.my/umat-islam-mesti-kuasai-teknologi-kewangan

Munawwaruzzaman Mahmud, & Muhammad Aqil Syafiq Jamaludin. (2023). Isu-isu syariah berkaitan buy now pay later (BNPL) dan e-wallet. *Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-17*, 1–17.

Nik Azmi, N. N., Mohd Zahari, N. H., Md Yunus, Z., Mohsin, F. H., & Md Isa, N. (2022). Exploring the factor influencing buy now pay later mechanism on the impulsive purchase decision in Malaysia. *International Journal of Business and Economy*, *4*(4), 48–57. http://myhms.mohe.gov.my/index/php/ijbec

Noor Azillah Mohamad Ali, & Rozihanim Shekh Zain. (2022, October). Beli dahulu bayar kemudian (BNPL). *Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Negeri Sembilan*, *9*, 9–12.

Nurul Ufairah Tarmidzi, N. U. (2025). *BNPL dan Pelajar IPT: FOMO atau Keperluan?* https://www.facebook.com/MediaSelangor/videos/659194493809872/?rdid=zQWwblYSh0I94XUn

Omar, M. N. (2022, November). Umat Islam Perlu Kuasai Teknologi Megatrend. *Institut Kefahaman Islam Malaysia*. https://www.ikim.gov.my/umat-islam-perlu-kuasai-teknologi-megatrend/

Shereen Hazirah Hishamudin. (2024). *Buy now, pay later: a new form of financial lifeline for consumers?*

Shereen Hazirah Hishamudin. (2025). *Regulating "buy now pay later": global approaches and Malaysia's path forward*. https://www.krinstitute.org/Views-%40-_Regulating_Buy_Now%2C_Pay_Later-%3B_Global_Approaches_and_Malaysias_Path_Forward.aspx

Snyder, H. (2019). Literature review as a research methodology: An overview and guidelines. *Journal of Business Research*, *104*, 333–339. https://doi.org/10.1016/J.JBUSRES.2019.07.039

Sri Ayu Kartika Amri. (2025). *BNPL bukan jerat hutang, jika pandai kawal perbelanjaan*. https://www.hmetro.com.my/bisnes/2025/03/1197825/bnpl-bukan-jerat-hutang-jika-pandai-kawal-perbelanjaan

Tranfield, D., Denyer, D., & Smart, P. (2003). Towards a Methodology for Developing Evidence-Informed Management Knowledge by Means of Systematic Review. *British Journal of Management*, *14*(3), 207–222. https://doi.org/10.1111/1467-8551.00375

Ulfah Mansurah Zainudin, & Ahmad Azam Othman. (2024). Legal Issues of Buy Now Pay Later (BNPL) Scheme in Malaysia. *UUM International Legal Conference 2023 (UUMILC 2023)*, 206–220. https://doi.org/10.2991/978-94-6463-352-8_16

Unit Kajian dan Penulisan Maahad al-Mustofa. (2024). *Transaksi Online Menurut Perspektif Fiqh* (1st ed.). Al-Musthofa Publication.

Waluyo, Nurohman, Y. A., & Qurniawati, R. S. (2022). Buy now, pay later: apakah paylater mempengaruhi pembelian impulsif generasi muda muslim? *Among Makarti*, *15*(3), 319–338.

Wan Ahmad Zarif Wan Yusoff, & Adlin Zulkefli. (2022). Buy Now Pay Later: A Brief Shariah Analysis. *IFHUB*, *3*, 9–14.

Webster, D. J. (2002). Rendering Modern English-Language Drama into Living Japanese: An Interview with Koshi Odashima. *Translation Review*, *64*(1), 3–10. https://doi.org/10.1080/07374836.2002.10523821

Widad, M., & Asi, T. (2024). Analisis praktik pinjaman online dengan sistem buy now pay later ditinjau dari hukum bisni syari'ah. *Jurnal Ilmiah Nusantara*, *1*(5), 232–239. https://doi.org/10.61722/jinu.v1i5.2527

Journal of Contemporary ISLAMIC LAW

Volume: 10 Issue: 2 ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X DECEMBER 2025

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia

Published by:
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X
9 770127 788006

JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC LAW (2025) 10(2)

KANDUNGAN / *CONTENTS*

Hukum Memakan Hamster Menurut Pandangan Empat Mazhab 1-8
The Ruling on Eating Hamsters According to the Perspectives of the Four Madhhabs
Nur Anis Nadhira Azhar, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh

Aplikasi Fatwa Kontemporari Terhadap Produk Makanan Moden 9-19
The Application of Contemporary Fatwas on Modern Food Products
Nur Aqila Mohd Zahari, Nur Ain Nabihah Nasharuddin, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh

Beli Dahulu Bayar Kemudian (BNPL) Sebagai Wahana Perbelanjaan Patuh Syariah dan Beretika: Satu Tinjauan Literatur 20-28
Buy Now Pay Later (BNPL) as a Shariah-Compliant and Ethical Spending Mechanism: A Literature Review
Nurlailatul Akma Abu Bakar, Ahmad Dahlan Salleh

الزكاة كأداة استراتيجية لتحقيق التنمية المستدامة فى سلطنة عُمان: نحو تكامل اقتصادى واجتماعى مع رؤية عُمان ٢٠٤٠ 29-36
Zakat as a Strategic Tool for Achieving Sustainable Development in the Sultanate of Oman: Towards Economic and Social Integration with Oman Vision 2040
Badriya Ahmed Mahmood Al Rawahi, Nurul Ilyana Muhd Adnan & Mohammad Zaini Yahaya

Implikasi Fenomena Childfree terhadap Keseimbangan Generasi: Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam 37-46
Implications of the Childfree Phenomenon on Generational Balance: A Review from an Islamic Perspective
Maizatul Aliya Hairunnizam, Wafaa' binti Yusof

Impak Jenayah Merempit Menurut Perundangan Sivil dan Perspektif Hukum Islam 47-61
The Impact of Illegal Street Racing under Civil Law and the Perspective of Islamic Jurisprudence
Wan Nur Adlin Sofiya Wan Muhammad Azan & Wafaa' Yusof

Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Kesan Trend Sharenting Kepada Kanak-kanak di Lembah Klang, Malaysia 62-70
Level of Parents' Knowledge on The Impact of Sharenting Trend towards Children in Lembah Klang, Malaysia
Abdul Muaz bin Mustaffa & Nurbazla Ismail

Microcredit Berasaskan Dana Wakaf Tunai 71-82
Microcredit Based on Cash Waqf Funds
Mohammad Zaini Yahaya, Amir Fazlim Jusoh@Yusoff, Muhammad Adib Samsudin

Harmonising Shariah Principles on Debt Recovery Practices of Islamic Banks with Regulations Related to Authorised Debt Management Agency in Malaysia 83-91
Uzaimah Ibrahim, Safinar Salleh, Muhammad Zuhaili Muda & Mohammad Hafiz Mohd Zaki

Inovasi dan Variasi Produk Hibah dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia 92-103
Innovations and Diversification of Hibah Instruments in Islamic Estate Planning in Malaysia

Nurul Huda Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said & Mohd Zamro Muda

Peruntukan Undang-undang terhadap Kesalahan Persetubuhan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja Muslim: Isu dan Cabaran 104-109
Legal Provisions on Unlawful Sexual Intercourse Among Muslim Adolescents: Issues and Challenges

Nur Aina Abdulah, Nur Al-Farhain Kamaruzaman, Mashitah Abdul Mutalib, & Nurul Ain Hazram